



Ruj. Kami : ANM (A) NS.003 Jld.23(22)

Tarikh : 2 Julai 2020

**PENGARAH
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
SEMUA PUSAT PEMBAYAR
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**PENYEDIAAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN
VOT, AKAUN TERIMAAN DAN AKAUN DEPOSIT BAGI BULAN JUN 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara (JANM) telah mengeluarkan
 - a) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Vot
 - b) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan
 - c) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Deposit
3. PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki dan mengemukakan kepada AO **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.**
4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Akaun Terimaan dan Akaun Deposit dan Penyata Penyesuaian (jika berkaitan) secara *hardcopy* ke Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan **sebelum atau pada 14 JULAI 2020**. Format penyediaan Sijil Pengesahan Baki boleh dimuat turun di portal JANM (www.anm.gov.my) di ruangan pekeling. Surat makluman ini boleh dimuat turun di portal JANMNS.
5. Sekiranya tiada transaksi pada bulan **JUN 2020**, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk memaklumkan Jabatan ini **secara bertulis**. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai berikut:

